

MEMBENTENGI DIRI HADAPI FAHAM TEGAR - UST H ALI H MOHAMED

Membentengi diri hadapi faham tegar

Oleh Ustaz Hj Ali Hj Mohamed

PENANGKAPAN seorang penyarah undang-undang yang berfaham radikal sehinggalah tega meninggalkan keluarga untuk menggadaikan nyawa menunjukkan betapa ancaman pengganasan masih berterusan.

Selepas lebih lima tahun penangkapan anggota JI, perkembangan terkini ini memang membimbangkan. Jika gagal dibendung, ia boleh menggugat keutuhan dan maruah masyarakat kita serta perpaduan dan keharmonian masyarakat majmuk Singapura.

Kumpulan Pemulihan Beragama (RRG) telah lama melaksanakan pelbagai kegiatan seperti kaunseling dan ceramah demi dijadikan pendidikan dalam membendung penularan faham ekstremisme. Penangkapan terkini itu bak suatu kejutan bahawa usaha lebih gigih dan rapi perlu diteruskan demi membentengi masyarakat daripada jerat faham pelampau.

ERTI RADIKALISME

Radikalisme bererti pemikiran dan tindakan seseorang itu untuk keluar sama sekali daripada ukurtara atau norma kehidupan umum. Langkah ini tidak dilandaskan atas jalan kesederhanaan, membina ataupun jalan positif yang menuntut perubahan secara teratur dan rapi, tetapi membawa tindakan melampau dan ganas.

Mengapakah seseorang boleh menjadi radikal? Ia berlaku dengan dengan pelbagai jalan atau cara seperti pengaruh kawan, sekitaran, persatuan atau organisasi.

Dalam gerak tindak manusia – daripada perbualan, bahas sehingga urus niaga -- seseorang

itu dinilai melampau atau radikal apabila ia yakin caranya sahaja yang betul. Ia menjadi tamak, lalu timbul hasad dengki serta kebencian kepada manusia lain yang dianggap tidak sehaluan.

Penangkapan bekas pensyarah tadi membimbangkan kerana faham radikalnya ditimba menerusi Internet. Episod ini amat membimbangkan kerana Internet kian menjadi alat komunikasi kita, terutama generasi muda.

Hakikat bahawa seorang yang terpelajar boleh menjadi radikal dengan sendirinya sekadar menuruti maklumat Internet itu memberi gambaran betapa ampuhnya media canggih ini. Malah hal ini pun bukan baru. Laman lucah dan perjudian di Internet telah lama dikenal pasti dapat mengumpan seseorang ke arah perbuatan merosak (fasad).

Kini terdapat 6,000 laman internet yang mendedahkan ajaran radikal daripada pelbagai faham. Selain tindakan pihak berkuasa untuk menyaring laman yang dianggap boleh merosakkan, maka perlu pendidikan awam agar anak-anak kita lebih bijak melungsur internet. Perlu ada pendidikan celik internet agar anak-anak kita dapat membezakan informasi yang bersumberkan Internet dengan ilmu yang diperolehi dari pembimbing yang arif.

RADIKALISME DALAM ISLAM

Rasulullah s.a.w. diutuskan Allah sebagai 'rahmat' seluruh alam – termasuk kepada kaum bukan Islam dan planet yang bertaburan. Sebagai 'rahmat', baginda mengajar kita agar menjauhi faham pelampau dan senantiasa mengamalkan kesederhanaan. Umat Islam diamanahkan Allah sebagai ummatan wasatan (golongan pertengahan).

Zaman Jahiliyah di Makkah menampakkan perlakuan radikal dan ganas. Moral manusia begitu rendah. Padahal, kota Mekah yang dibangunkan Nabi Ibrahim dan anaknya, Nabi Ismail untuk keperluan suci. Tetapi ia dicemari pengaruh radikal lagi sehinggakan menghilangkan ajaran murni Nabi Ibrahim as.

Apabila muncul ajaran Nabi Muhammad saw, barulah Makkah disucikan daripada kegelapan jahiliyah. Muncul peradaban baru yang tinggi sehingga ini dipaparkan dalam firman Allah swt:

“Dan katakanlah: “Yang benar telah datang dan yang batil telah lenyap.”

Sesungguhnya yang batil itu adalah sesuatu yang pasti lenyap.” (Surah al-Isra’, ayat 81)

Di dalam Islam, ekstremisme dipanggil al-ghuluww. ***Al-ghuluww*** bererti pelampauan. Ia mencakup erti ***al-tashaddud*** iaitu seorang yang berpegang pada prinsip agama secara amat tegas dan kejam – bertindak melebihi nilai yang dianjurkan agama. Orang itu mempunyai sifat al-‘unf iaitu kasar dan tidak beradab.

Seorang radikal dipanggil ***al-mutatarrif*** iaitu orang yang berada di sudut ekstrem, dengan pemikiran dan haluan hidup yang melampau -- melebihi tahap keadilan dan tidak wasat atau moderat/sederhana. Sheikh Abu al-Hasan al-Nadwi (1914-1999), alim semasa berkata: “Tidak dapat diragukan bahwa radikalisme, ekstremisme, kesempitan dan ketegaran wujud. Ini adalah realiti.”

Hayati maksud firman Allah dalam surah Al-Maidah ayat 77, mengenai tegahan ke atas amalan melampau dan unsur radikalisme di dalam hidup beragama: **“Janganlah kamu berlebih-lebihan (melampaui batas) dengan cara tidak benar dalam agamamu. Dan janganlah kamu mengikuti hawa nafsu orang-orang yang telah sesat dahulunya dan mereka telah menyesatkan kebanyakan (manusia), dan mereka tersesat dari jalan yang lurus.”**

Sahabat Abu Hurairah r.a. meriwayatkan dari Rasulullah saw yang telah bersabda: **“Sesungguhnya agama itu mudah. Tiada sesiapa yang memberatkan di dalam agama melainkan ia mengatasinya. Maka carilah jalan lurus, dekatinya dan bergembiralah dan minta bantuanlah pada berpagi-pagi dan pada waktu petang serta dari sebahagian waktu malam.”** (Hadis riwayat Imam Bukhari)

Rasulullah sa.w. juga berpesan: **“Telah binasalah al-mutanattiun, telah binasalah al-mutanattiun, telah binasalah al-mutanattiun.”** (Hadis riwayat Imam Muslim, Abu Daud dan Ahmad). Imam al-Nawawi mensyarahkan bahwa al-mutanattiun berarti seorang yang senantiasa meneliti secara mendalam akan sesuatu, bersikap ekstrem, dan melampaui kadar dan adab di dalam percakapan dan perbuatannya.

Dr. Abdul Rahman ibn Mualaa al-Luwaihiq di dalam kitabnya *‘Al-Ghuluww fi al-Din’* memetik Dr. Yusuf al-Qardhawi menjelaskan radikalisme dan ekstremisme dengan beberapa sifat iaitu:

- 1) Berpegang teguh hanya pada pandangan dirinya sendiri dan tidak memberi peluang untuk mendengar pandangan yang lain;
- 2) Menyuruh manusia melakukan sesuatu yang tidak dianjurkan Syariah;
- 3) Ketegasan yang tidak kena pada tempatnya;
- 4) Kasar dan tidak beradab;
- 5) Senantiasa berfikiran buruk terhadap pandangan orang lain (su’u al-dhzan);
- 6) Menghukum orang lain sebagai kafir.

RADIKALISME DALAM SEJARAH ISLAM

Sejarah Islam mencatatkan kehadiran pelbagai golongan radikal.

Dalam zaman khalifah pertama selama dua tahun, Saidina Abu Bakar as-Siddiq (lahir 573M-wafat 634M), muncul golongan ekstrem yang diketuai Musaylamah al-Kazzab yang mengaku dirinya sebagai Nabi. Saidina Abu Bakar telah mengumumkan pengharaman ke atas pergerakan Musaylamah ini agar penularannya dikekang. Tindakan bijaksana (hikmah)

Saidina Abu Bakar itu telah memelihara kemurnian Islam dari dipengaruhi pelampau.

Dalam sedekad pemerintahan khalifah kedua, Saidina Umar al-Khattab (584M-644M) yang terkenal dengan ketegasannya terhadap anasir radikal, Islam berkembang luas. Namun Saidina Umar dibunuh oleh seorang radikal bernama Abu Lu'lu'. Ini bak membukakan pintu fitnah radikalisme yang amat menjejaskan perpaduan ummah

Islam telah tersebar luas semasa 12 tahun pemerintahan Khalifah ketiga, Saidina Uthman al-Affan (580M-656M). Bangsa Arab telah membina sebuah kerajaan teguh sehingga terhimpun pelbagai kemewahan. Namun timbul kelompok-kelompok yang mengeksploitasi keadaan mewah itu demi kepentingan mereka. Akibatnya Saidina Uthman dibunuh secara kejam oleh kumpulan radikal yang mengepung rumahnya. Pada saat itu, beliau sedang membaca al-Quran.

Pada zaman Khalifah keempat selama lima tahun, Saidina Ali Abu Talib (599M-661M), gerakan radikal menjadi lebih berani. Antaranya, puak Khawarij telah "menghalalkan" cara ganas demi mencapai matlamatnya. Mereka menuduh menantu Rasulullah saw sebagai 'kafir' dan mendakwa cara mereka sajalah yang benar. Sejak itu, timbul konsep takfir yang hari ini menjadi pegangan golongan radikal dan ekstremis.

Golongan Khawarij asalnya pengikut Saidina Ali. Namun mereka berpaling tadah oleh sebab-sebab politik dan bukan agama. Mereka percaya bahawa mereka berkewajiban membunuh sesiapa yang dianggap kafir.

Saidina Ali terpaksa memerangi kaum Khawarij ini yang berjumlah 12000 orang setelah segala usaha diplomatik gagal. Dalam Perang Nahrawan, Saidina Ali menumpaskan sebahagian besar Khawarij. Bakinya lolos dan kemudian berkomplot membentuk tiga

kumpulan untuk membunuh Saidina Ali bersama kumpulan Mu'awiyah dan kumpulan Amru bin al-'As. Dua komplot gagal, tetapi komplot ketiga yang diterajui Abdur Rahman bin Muljam telah membunuh Saidina Ali ketika bersolat.

Gerakan ala Khawarij masih wujud dalam sejarah perkembangan Islam. Seorang penganalisa Mesir hari ini, Prof Dr Ahmad Kamal Abu al-Majd berkata: "Kami dapat simpulkan bahawa pemikiran Khawarij adalah satu sumber timbulnya pemikiran ekstremis di kalangan pemuda kita hari ini."

Baki perjuangan Saidina Ali membanteras golongan Khawarij ini, usaha menjaga kemurnian Islam dari gejala radikal dan ekstrem hendaklah kita teruskan. Ikutilah cara damai para sahabat dan para pengikut sahabat (tabi'in, tabi'it tabi'in) dan ulama muktabarah. Memelihara kesucian Islam sebagai agama damai merupakan kewajiban kita.